

30/03/2003

Mencipta jutawan Bumiputera?

Noor Azam

MEMBACA kisah orang yang berjaya dalam bidang perniagaan, terutama yang kaya raya (billionaire), biasanya menyenangkan. Begitulah wajarnya.

Namun

ramai juga orang Melayu - jika yang kaya raya itu bangsanya sendiri - sering berasa tidak senang. Sampaikan dalam Perhimpunan Agung Umno pun, disindir juga, meskipun Umno berjuang untuk memajukan orang Melayu, malah

sepanjang masa mendesak kerajaan membantu usahawan Melayu.

Umumnya, orang Melayu mahu bangsanya kaya raya, maju dalam perniagaan, tetapi apabila ada yang berjaya, adalah yang suka mengata. Orang Melayu marah jika kerajaan tidak membantu Melayu, tetapi apabila dibantu sampai berjaya, disalahkan pula - yang membantu salah dan yang menerima bantuan pun salah. Dan apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan isu kroni dan

nepotisme untuk menjatuhkan Dr Mahathir, istilah itu pun jadi popular.

Maka ramailah orang Melayu yang kena cap "kroni".

Jadi, ada yang bertanya: Melayu ini maunya apa?

Maka adalah yang menjawab: Dia kaya tak apa. Orang lain tak boleh. Dia dapat projek tak apa. Orang lain tak boleh!

Lalu ada yang merumuskan: PHD memanglah penyakit lama orang Melayu! Memang dalam budaya Melayu memberikan tepukan kepada orang yang berjaya atau bagus pertunjukannya sangat berat. Sebaliknya, amat murah untuk mengeji. Dan sekarang, penyakit PHD ini mendapat kekuatan dengan menggunakan alasan "kroni" dan "nepotisme" dengan sesuka hati dan sembarangan. Tanpa berfikir secara rasional.

Justeru, ramailah yang berasa senang hati membaca kisah kejatuhan usahawan seperti Tan Sri Tajudin Ramli dan Tan Sri Halim Saad. Di samping

itu ada juga yang berasa malu kerana kejatuhan tokoh-tokoh korporat ini disertai dengan cerita-cerita yang tak menyenangkan. Juga memperlihatkan tiadanya daya tahan, kecekapan dan ketangkasan pengurusan serta helah perniagaan yang tidak mantap. Dibandingkan dengan usahawan bukan Bumiputera.

Saya menulis isu orang kaya ini kerana terdorong oleh senarai 40 orang terkaya di Malaysia (Malaysian Business, Februari 03) . Juga oleh analisis

Saudara A Kadir Jasin (MM 2 Mac 03) dan Saudara Madzlan Mohamad Hussain (UM 10 Mac 2003) yang keduanya cukup menarik dan merangsang.

Dalam tulisannya "Bukan Melayu lebih kaya", A Kadir, antara lain membandingkan jumlah kekayaan lapan tokoh korporat Melayu (RM5.48 bilion), yang tidak dapat menyaingi kekayaan seorang Ananda Krishnan (RM8.77 bilion) atau seorang Robert Kuok (RM8 bilion).

Bahawa bukan Melayu yang kaya dan hidup mewah, jauh lebih ramai daripada Bumiputera, memang diketahui umum. Suatu realiti masyarakat Malaysia yang sudah diterima. Malah ramai juga Bumiputera yang menumpang hidup

daripada

kekayaan kaum bukan Bumiputera itu. Dari bandar sampai ke kampung.

Kekayaan dan kemewahan bisanya datang daripada perniagaan. Bangsa Cina adalah bangsa peniaga. Budayanya, budaya niaga. Bangsa Melayu, bangsa makan gaji, terutama kerja kerajaan. Budayanya pun, tanpa sedar masih dipengaruhi budaya feudal-tani ini. Budaya ini budaya santai dan suka pesta. Bertani hanya untuk cukup makan pakai, bukan untuk berniaga atau jadi kaya. Budaya inilah yang menghalang kejayaan Bumiputera dalam perniagaan.

Walaupun ada orang Melayu terbabit dalam dunia perdagangan sejak ratusan tahun lalu, namun berniaga, adalah kerjaya yang relatif sangat baru bagi mereka. Itu pun setelah didorong dan dibantu oleh kerajaan.

Sebab itulah Melayu terpinggir dan tidak tahan duduk di Pulau Pinang. Pulau ini, sejak mulanya adalah pulau peranginan, tanah pertanian dan peluang makan gaji amat terhad.

Budaya feudal-tani inilah juga yang menyebabkan wujud kegiatan "menjual projek" atau "mengutip komisyen" atau menjadi "orang depan" di kalangan Bumiputera yang cuba memasuki dunia perniagaan. Ini kerja senang, mudah, cepat dapat wang dan tiada risiko.

Model "Kontraktor Berwibawa" perlu diteruskan dalam semua bidang

BEBERAPA tahun lalu, kerajaan telah mengambil langkah proaktif, membenarkan pegawai bersara lebih awal untuk memasuki bidang perniagaan. Bantuan dan peluang diberikan. Ada pula yang dihantar ke luar negeri - sampai ke Amerika - untuk `belajar berniaga'. Rancangan ini hilang tanpa berita. Tidak tahu sejauh mana kejayaan atau kegagalannya.

Saudara Madzlan menyarankan: "Secara mudahnya, kita tidak perlu 10 billionaire untuk membuktikan Melayu sudah mampu maju ke depan. Dengan nilai yang sama, adalah lebih bijak untuk melatih 10,000 profesional Melayu menjadi usahawan jutawan."

Saya rasa tujuan kita bukanlah untuk mewujudkan billionaire. Jadi billionaire seharusnya suatu perkembangan yang natural bagi para usahawan besar yang berjaya. Dan kita pun bukan hendak mewujudkan 10,000 usahawan jutawan. Tetapi mendorong dan membantu Bumiputera memasuki secara aktif dalam semua jenis dan peringkat perniagaan. Untuk jadi besar dan jutawan mereka mestilah berusaha sendiri.

Cadangan Saudara Madzlan untuk memberi peluang, bantuan dan latihan kepada "profesional Melayu yang berkualiti cemerlang" yang sedang bertugas

dalam syarikat-syarikat kerajaan, boleh dicuba. Namun saya lebih yakin kepada orang yang sedang menjalankan perniagaan sendiri. Meskipun syarikat

mereka hanya sederhana saja. Langkah mewujudkan "kontraktor berwibawa" beberapa tahun lalu, adalah langkah yang betul. Model ini boleh diteruskan

dalam semua bidang.

Generasi peniaga baru bukan mencari payung politik

DALAM beberapa tahun terakhir ini, mulai muncul peniaga dan pengusaha Bumiputera, khususnya Melayu, dalam berbagai-bagai bidang, termasuk bidang

paling baru, teknologi komunikasi (IT). Di antara generasi Melayu baru ini, ramai golongan profesional dan yang memiliki diploma dan ijazah.

Ada

yang tiada diploma atau ijazah, tetapi memiliki bakat, kepintaran dan pengalaman yang sudah teruji.

Walaupun lima tahun terakhir ini adalah era kegawatan dan kemerosotan dan amat banyak kesulitan, peniaga dan pengusaha Melayu baru ini, tetap berhempas pulas menghidupkan usaha mereka. Mereka juga cuba mengamalkan budaya niaga Cina. Mereka pun terpaksa juga memberi 'habuan' kepada pegawai-pegawai Melayu. Mereka juga belajar menggunakan koleksi politik untuk memudahkan atau mendapat peluang perniagaan. Mereka juga bekerja tanpa mengira waktu pejabat dan hari cuti.

Mereka belum menjadi tokoh korporat dan tidak mungkin termasuk dalam senarai orang terkaya, Mereka pengusaha kecil dan sederhana. Syarikat mereka mungkin belum tersenarai di KLSE, tetapi mereka bertekad menjadi peniaga atau pengusaha yang berjaya.

Mereka memang mengharapkan bantuan kerajaan, tetapi bukanlah bergantung

kepada "tongkat hak istimewa" atau (meminjam ungkapan Saudara Madzlan): "Bukan jaguh kampung yang lari mencari payung politik bila mendengar guruh berdentuman".

Mereka ini tidak makan gaji atau berjawatan eksekutif dalam syarikat besar milik kerajaan yang memperoleh perlindungan, keistimewaan atau monopoli perniagaan. Mereka tidak mendapat projek atau kontrak atau peluang perniagaan yang siap terhidang di atas meja. Pengalaman mereka adalah pengalaman perniagaan yang sebenarnya.

Kenalilah mereka. Berilah kesempatan kepada mereka. Berilah peluang mereka menunjukkan kesungguhan dan kebolehan. Hasilnya pasti akan dapat kita lihat bersama. Usahawan Cina dan India yang jadi billionaire itu pun, ada antaranya yang mendapat bantuan atau peluang atau lesen atau restu kerajaan.

Sesungguhnya, jika kita hendak membangunkan angkatan korporat Melayu dan Bumiputera yang berjaya dalam perniagaan, mereka inilah calon-calonnya. Bukan peniaga atau usahawan syarikat dua ringgit atau tukang 'kutip komisyen' yang berlegar di keliling menteri, wakil rakyat atau ketua bahagian Umno. Bukan juga pegawai-pegawai bersara yang diberikan business untuk mengenang jasa. Mereka ini tiada lagi tenaga dan kemampuan untuk bersaing di dunia dagang yang semakin sengit dan kompleks.

Tanpa bermaksud memperkecilkan jasa dan kebolehan mana-mana pihak pun, kenyataan membuktikan, para peniaga gerai di Jalan Chow Kit, Kampung Baru

dan Datuk Keramat, lebih kuat daya juang dagang mereka daripada pesara dan

eksekutif syarikat kerajaan. Marilah kita pilih beras di dalam antah!

(Kumpulan AMONA, Prima Peninsular, Taman Setiawangsa, K Lumpur - 28

Mac

03).